

JHEWA-PPIB UMS anjur bengkel bahasa dan AI

UB 03.12.2023 P.06

KOTA KINABALU:

Kecekalan usahawan wanita merupakan kunci bagi kejayaan mereka dalam usaha memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris dan Kecerdasan buatan (AI) dalam pemasaran media sosial.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) Hajah Haslina Ismail berkata, pengetahuan asas bahasa Inggeris dalam media sosial adalah sangat penting bagi usahawan wanita untuk memperkenalkan produk mereka ke peringkat yang lebih jauh, khususnya bagi menarik perhatian pelanggan luar negara.

"Justeru, saya percaya bahawa bengkel-bengkel yang telah diadakan ini dapat membantu usahawan wanita meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam mempromosikan produk mereka di platform media sosial," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Bahasa Inggeris untuk Pemasaran Media Sosial (Siri 3) anjuran JHEWA dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

"Saya berharap agar kolaboratif program pemindahan ilmu dengan UMS ini dapat diteruskan dan memberi



ALBUM: Para tetamu kehormat dan peserta program merakamkan gambar kenangan.

manfaat kepada peserta secara individu dan memupuk perkongsian ilmu antara UMS serta JHEWA," katanya.

Menurutnya, bengkel tiga siri itu bermatlamat menangani isu dan masalah kemahiran komunikasi digital, terutamanya dalam kalangan usahawan wanita dalam penggunaan bahasa Inggeris bagi pemasaran media sosial.

Sebelum itu, Ketua Knowledge Transfer Program (KTP) PPIB, UMS Dr. Priscilla Shak berkata, pengaturan program itu merupakan salah satu usaha kerjasama dan kolaboratif dalam aspek pemindahan ilmu kepada

komuniti.

"Peserta-peserta bengkel telah menunjukkan kesungguhan mereka dalam mempertingkatkan kemahiran penggunaan bahasa Inggeris dalam pemasaran media sosial.

"Terdapat beberapa orang peserta yang tidak mempunyai sebarang akaun perniagaan media sosial pada awal bengkel.

"Namun begitu, mereka kini bukan sahaja telah menubuhkan akaun perniagaan Facebook dan Instagram mereka sendiri tetapi juga telah berupaya untuk menggunakan AI bagi menghasilkan kandungan dalam bahasa

Inggeris bagi media sosial mereka," katanya.

Pada bengkel itu, seramai 43 peserta dalam kalangan usahawan wanita Sabah di bawah pemantauan JHEWA telah mengambil bahagian dalam bengkel-bengkel yang telah dijalankan oleh PPIB UMS sejak bulan September tahun ini.

Turut hadir, Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Khidmat Masyarakat PPIB UMS, Dr. Kavitha Ganeshan; Penceramah Program, Dr. Adeline Tam dan Dr. Kelvin Yong dan pensyarah-pensyarah PPIB UMS.